



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR

ISU AIR ZAM ZAM PALSU

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan akhbar Utusan Melayu pada 31 Mei 2017 bertajuk “Arab Saudi Musnah Ratusan Ribu Air Zam Zam Palsu”. Laporan tersebut menyatakan Pihak Berkuasa Arab Saudi bertindak merampas dan memusnahkan ratusan ribu botol air zam zam palsu manakala puluhan premis dan kedai yang terlibat dengan kegiatan berkenaan disita dalam serbuan besar-besaran di negara tersebut susulan aduan mengenai pihak tertentu yang mencampurkannya dengan air biasa.

Air zam zam diperolehi dari bawah tanah dan dikategorikan sebagai air mineral semulajadi seperti termaktub di bawah Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Pengimportan air mineral semulajadi memerlukan lesen punca air serta kelulusan dan pengesahan daripada pihak berkuasa geologi dan hidrologi dari negara pengeksport.

Kerajaan Arab Saudi hanya membenarkan pengedaran air zam zam secara percuma kepada jemaah haji dan umrah serta pelawat untuk kegunaan persendirian dalam kuantiti yang terhad semasa berlepas dari Arab Saudi. Sehubungan itu, penjualan air zam zam tidak dibenarkan di Malaysia.

Dalam hal ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah bersetuju supaya KKM mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penjualan air zam zam memandangkan ia di bawah bidang kuasa KKM. Selaras dengan ini, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sedang mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penjualan air zam zam berdasarkan Seksyen 4(1)(f), Akta Makanan 1983. Hasil penguatkuasaan yang telah dijalankan sejak tahun 2012 sehingga 30 Mei 2017 di seluruh negara, sejumlah air zam zam bernilai RM 57,478.80 telah dirampas. KKM sedang meningkatkan tindakan penguatkuasaan ke atas penjualan air zam zam.

Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, mana-mana orang yang disabitkan kesalahan menjual air zam zam boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya pengguna mempunyai sebarang pertanyaan mengenai isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *Facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN

9 Jun 2017